

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/92

Mac/April 1992

EBS 409/2 - Undang-Undang Perlombongan

Masa : (3 jam)

ARAHAN KEPADA CALON

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Sila jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Kertas soalan ini mengandungi TUJUH (7) soalan semuanya.

Semua soalan MESTILAH dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

Semua jawapan mesti dimulakan pada mukasurat baru.

1. [a] Sekiranya berlaku dalam kawasan perlombongan satu kemalangan yang menyebabkan kehilangan nyawa atau kecederaan parah kepada tubuh badan seorang pekerja lombong, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh Pengurus Lombong tersebut supaya mematuhi kehendak-kehendak;
 - i] Enakmen Perlombongan Cap. 147; (25 markah)
 - ii] Akta Kilang Dan Jentera, 1967? (25 markah)
- [b] Apakah pula tindakan-tindakan berikutan yang perlu diambil oleh;
 - i] Jabatan Merinyu Galian (25 markah)
 - ii] Jabatan Merinyu Kilang dan Jentera? (25 markah)
2. [a] Apakah syarat-syarat yang biasa terkandung dalam Lesen Menggunakan Air?

(50 markah)
- [b] Apakah peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi sebelum air daripada kawasan perlombongan dibenarkan mengalir ke sungai atau saluran air? Mengapakah diadakan peraturan-peraturan ini?

(25 markah)
- [c] Apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh Merinyu Galian sekiranya peraturan-peraturan di bawah (b) tidak dipatuhi?

(25 markah)
3. Di bawah "Peraturan-peraturan Berkenaan Lombong-Lombong Dedah" huraikan berkenaan peraturan-peraturan dan kehendak-kehendak berkaitan dengan melombong bersebelahan dengan pinggir jalan raya atau jalan keretapi.

(100 markah)
4. [a] Senaraikan alat-alat keselamatan dan ciri-ciri keselamatan yang dikehendaki dipasang di atas sebuah kapal korek melombong bijih timah dan terangkan berkenaan fungsi tiap-tiap satu.

(70 markah)

- [b] Terangkan berkenaan peraturan-peraturan keselamatan yang mesti dipatuhi berkaitan dengan tali hadapan dan tali-tali sisi kapal korek.

(30 markah)

5. Berkenaan dengan Pajak Melombong, bincangkan:

- [a] ke empat-empat hak pihak pemajak (seksyen 14, Enakmen Melombong).

(35 markah)

- [b] lima daripada syarat-syarat yang dikenakan ke atas pemajak (Seksyen 16, Enakmen Melombong).

(35 markah)

- [c] keadaan-keadaan yang boleh menyebabkan Pajak Melombong ditarik (rampas) balik (Seksyen 21, Enakmen Melombong).

(30 markah)

6. [a] Dalam keadaan bagaimanakah "Lesen Melombong Individu" boleh dikeluarkan oleh Pejabat Tanah?

(40 markah)

- [b] Bincangkan berkenaan syarat-syarat dan had-had lesen tersebut dan hak pemilik lesen.

(60 markah)

7. Bahagian II dalam Akta Kilang Dan Jentera, 1967 adalah berkenaan Keselamatan, Kesihatan Dan Kebajikan pekerja-pekerja.

Bincangkan: [a] Empat daripada peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan keselamatan.

(33 1/3 markah)

[b] Empat daripada peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan kesihatan;

(33 1/3 markah)

[c] Empat daripada peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan kebajikan.

(33 1/3 markah)

